

## PENANGGUHAN BAYARAN BALIK

Peminjam/penerima biaya adalah bertanggungjawab memaklumkan PTPTN jika peminjam/penerima biaya masih belum bekerja selepas enam (6) bulan tamat pinjaman/pembiayaan.

Permohonan penangguhan bayaran balik boleh dipertimbangkan bagi peminjam/penerima biaya yang masih belajar atau belum bekerja.

Tempoh penangguhan akan ditentukan oleh PTPTN dan kos pentadbiran/upah dikenakan sepanjang tempoh penangguhan tersebut.

Peminjam/penerima biaya perlu mengemukakan borang/surat permohonan penangguhan beserta salinan surat tawaran pengajian baru (jika masih belajar) dan sekiranya tidak bekerja, surat pengesahan tidak bekerja dari pegawai kerajaan kumpulan Pengurusan dan Profesional atau pengesahan status caruman KWSP diperlukan.

## PEMBATALAN PINJAMAN / PEMBIAYAAN KERANA MENERIMA TAJAAN LAIN / GAGAL / BERHENTI / BERTUKAR PENGAJIAN

Peminjam/penerima biaya perlu memaklumkan kepada PTPTN sekiranya peminjam/penerima biaya menerima tajaan lain/gagal/berhenti/bertukar pengajian dengan menghantar surat rasmi atau borang pembatalan pinjaman/pembiayaan.

Peminjam/penerima biaya perlu membayar balik keseluruhan pinjaman/pembiayaan bersama-sama kos pentadbiran/upah yang dikenakan.

Bagi peminjam/penerima biaya yang gagal/berhenti, permohonan penangguhan hanya akan dipertimbangkan kepada peminjam/penerima biaya yang menyambung pengajian sahaja.

Bagi peminjam/penerima biaya yang menerima tajaan lain dan tidak bertindih tajaan, penangguhan adalah dibenarkan dan peminjam boleh memulakan bayaran balik selepas tamat pengajian.

Pinjaman/pembiayaan kali kedua hanya akan dipertimbangkan apabila hutang terdahulu diselesaikan.

## TINDAKAN PENGUATKUASAAN SENARAI HITAM

Tindakan penguatkuasaan senarai hitam Imigresen akan dilakukan sekiranya peminjam masih ingkar membuat bayaran balik atau memberi maklumbalas selepas penghantaran notis tuntutan (Letter of Demand - LOD). Kesan daripada tindakan ini ialah peminjam dihalang daripada memohon/memperbaharui passport dan juga dilarang daripada keluar negara.

**“Melunaskan Hutang Adalah Satu Kewajipan”**

TREXX zone

### ONE STOP CENTER PTPTN

Unit 1S, 2S & 5-6S,  
Level 2, Stesen Sentral Kuala Lumpur,  
50470 Kuala Lumpur.

#### Kemudahan perkhidmatan kaunter berpusat yang disediakan:

Pertanyaan dan aduan;  
Rundingcara;  
Bayaran balik pinjaman/pembiayaan;  
Pembukaan akaun SSPN;  
Penambahan deposit SSPN; dan  
Kemudahan capaian internet bagi menjalankan aktiviti berkaitan dengan PTPTN.

### INFO CENTER PTPTN SABAH

Wisma Hasil, Tingkat M,  
Jalan Tunku Abdul Rahman,  
88600 Kota Kinabalu, Sabah.

### INFO CENTER PTPTN SARAWAK

Wisma Hasil, Jalan Padungan,  
93100 Kuching, Sarawak.

HOTLINE : 03 – 2080 4455

FAKS : 03 – 2096 1072

LAMAN WEB : [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

ADUAN ONLINE : <http://icare.ptptn.gov.my>

PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL



**Sudahkah anda membuat bayaran balik?**



[www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

## BAHAGIAN PENGUATKUASAAN DAN KUTIPAN BALIK (BPKB)

Bahagian Penguatkuasaan Dan Kutipan Balik (BPKB) telah dipertanggungjawabkan untuk menguruskan bayaran balik pinjaman/pembiayaan pendidikan daripada peminjam/penerima biaya mengikut kaedah yang telah ditetapkan.

Peminjam/penerima biaya adalah bertanggungjawab untuk membayar balik semua jumlah pinjaman/pembiayaan yang dikeluarkan kepadanya, termasuk apa-apa kos seperti kos pentadbiran/upah, bayaran perlindungan insurans, bayaran cukai setem hasil dan lain-lain bayaran seperti yang dinyatakan dalam Surat Tawaran Pinjaman/Pembiayaan yang telah ditandatangani oleh PTPTN dan peminjam/penerima biaya.

## BAYARAN BALIK PINJAMAN / PEMBIAYAAN

Pembayaran balik pinjaman/pembiayaan adalah bermula enam (6) bulan selepas tamat pinjaman/pembiayaan.

Tempoh bayaran balik pinjaman/pembiayaan adalah seperti berikut:

Bil.	Jumlah Pinjaman / Pembiayaan (Prinsipal)	Tempoh Bayaran Balik
1	RM10,000 dan ke bawah	60 bulan (5 tahun)
2	RM10,001 hingga RM22,000	120 bulan (10 tahun)
3	RM22,001 hingga RM50,000	180 bulan (15 tahun)
4	RM50,001 dan ke atas	240 bulan (20 tahun)

Peminjam/penerima biaya boleh memulakan bayaran balik pinjaman/pembiayaan tanpa perlu menunggu surat arahan daripada PTPTN.

## KOS PENTADBIRAN DAN 'UJRAH' / UPAH

Bil.	Tarikh	Kos Pentadbiran
1	Sebelum 1 Januari 2004	4% setahun atas baki berkurangan
2	Mulai 1 Januari 2004	3% setahun atas baki berkurangan
3	Mulai 1 Mac 2007 (kursus Sarjana, PhD dan Profesional sahaja)	5% setahun atas baki berkurangan
4	Mulai 1 Jun 2008	1% setahun atas kadar rata *

\* Kaedah baru pembiayaan pendidikan dengan pengenalan 'Ujrah' atau upah sebanyak 1% setahun atas kadar rata (flat rate) adalah bagi menggantikan kaedah pinjaman sedia ada yang mengenakan kos pentadbiran 3%, 4% dan 5% setahun atas baki berkurangan (reducing balance).

## KAEDAH BAYARAN BALIK PINJAMAN / PEMBIAYAAN PENDIDIKAN

Bil.	Saluran	Agensi / Ejen
1	Kaunter	<ul style="list-style-type: none"> <li>Ibu Pejabat PTPTN</li> <li>One Stop Center PTPTN, KL Sentral</li> <li>Bank Islam</li> <li>CIMB Bank</li> <li>Bank Simpanan Nasional</li> <li>Pos Malaysia</li> </ul>
2	Potongan Gaji	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM)</li> </ul> <p>* Semua permohonan untuk membayar balik melalui kaedah ini perlulah dirujuk kepada PTPTN terlebih dahulu.</p> <p>* Peminjam / penerima biaya perlu menghantar borang permohonan / surat / e-mel beserta nama dan alamat majikan ke PTPTN.</p> <p>* Borang permohonan potongan gaji boleh didapati di laman web PTPTN.</p>

Bil.	Saluran	Agensi / Ejen
3	Perbankan Internet	<ul style="list-style-type: none"> <li>CIMB Bank (www.cimbclicks.com.my)</li> <li>Maybank (www.maybank2u.com.my)</li> <li>Bank Islam (www.bankislam.biz)</li> <li>Public Bank (www.pbebank.com)</li> <li>RHB Bank (www.rhb.com.my)</li> <li>Ambank (www.ambankgroup.com.my)</li> <li>Pos Online (www.posonline.com.my)</li> </ul>
4	Website PTPTN e-FES melalui Financial Processing Exchange (FPX)	<ul style="list-style-type: none"> <li>Bank Islam</li> <li>CIMB Bank</li> <li>Public Bank</li> <li>Maybank</li> <li>Hong Leong Bank</li> </ul>
5	Pengeluaran Akaun II KWSP	<ul style="list-style-type: none"> <li>Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)</li> </ul> <p>Syarat-Syarat Pengeluaran Wang</p> <p>(i) Permohonan pengeluaran oleh Ahli:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bagi peringkat pengajian Ijazah dan Diploma - Perjanjian pinjaman / pembiayaan pendidikan adalah bagi 2 Januari 2001 dan ke atas.</li> </ul> <p>(ii) Permohonan pengeluaran oleh Ibu / Bapa peminjam:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Bagi peringkat pengajian Ijazah - Perjanjian pinjaman / pembiayaan pendidikan adalah bagi April 2000 dan ke atas.</li> <li>Bagi peringkat pengajian Diploma - Perjanjian pinjaman / pembiayaan pendidikan adalah bagi 17 Januari 2006 dan ke atas.</li> </ul>

## BAYARAN TERUS KE PTPTN MELALUI POS

Bank deraf/kiriman wang hendaklah berpaling dan dibayar atas nama 'PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL'.

Pastikan no. kad pengenalan dan nama anda ditulis di belakang bank deraf/kiriman wang.

Pos ke alamat seperti di bawah:

Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional  
Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana  
Off Jalan Semantan, Damansara Heights  
50490 Kuala Lumpur  
(u/p: Unit Terimaan)

## MAKLUMAT TAMBAHAN

Gunakan slip pembayaran bil yang telah disediakan oleh bank dan pejabat pos setiap kali ingin membuat bayaran balik pinjaman/pembiayaan PTPTN melalui kaunter bank atau pejabat pos.

Ruangan no. akaun hendaklah diisi dengan no. kad pengenalan anda. Dapatkan khidmat nasihat daripada kakitangan bank berkenaan jika menghadapi masalah semasa mengisi slip bayaran.

Slip bayaran hendaklah disimpan sebagai rujukan, PTPTN tidak akan menghantar resit kepada peminjam/penerima biaya. Walau bagaimanapun penyata pinjaman/pembiayaan akan dihantar sekali setahun.